

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
September 2009
2 $\frac{1}{2}$ jam

PEJABAT PELAJARAN DAERAH GOMBAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab ~~selepas~~ soalan di **Bahagian A** dan satu soalan di **Bahagian B**.
3. Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaians yang baru.
4. Markah yang diperlukan bagi setiap soalan atau ceritaan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

Dapatkan skema Jawapan di Laman


W W W . b a

1. (a) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan nilai faedah.

Buah kelapa sawit dipetik dari ladang dibawa ke kilang untuk diproses menjadi sabun yang kemudiannya dipasarkan untuk kegunaan orang ramai

Huraikan **dua** jenis nilai faedah yang wujud daripada situasi tersebut. [6m]

- (b) Rajah I menunjukkan cabang pengeluaran .



Rajah I

Berdasarkan Rajah I di atas, huraikan perusahaan X,Y dan Z. [9m]

(c) Terangkan kekurangan pengkhususan dalam pengeluaran. [4m]

(d) Jelaskan **tiga** perbezaan antara perdagangan dengan perniagaan. [6m]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

W W W . b a n k s

2. (a) Jelaskan fungsi peruncit dalam saluran agihan. [6m]

(b)

En Fairuz berminat untuk menceburi hidang perniagaan. Beliau menghadapi kesukaran untuk memilih samada hendak terlibat dalam pembiagaan runcit atau pembiagaan borong.

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan perbandingan antara pembiagaan runcit dengan pembiagaan borong. [9m]

- (c) (i) Bagaimanakah pembiagaan antarabangsa dapat memberi faedah kepada pengguna? [6m]

- (ii) Nyatakan faktor-faktor wujudnya pembiagaan antarabangsa. [4m]

3. (a) Berikut adalah pernyataan berkaitan dengan IKS.

Dalam usaha kerajaan untuk memperkuatkan Industri Kecil dan Sederhana(IKS), pelbagai bantuan telah disediakan kepada usahawan yang terlibat dalam sektor ini. Walaubagaimanapun, mereka masih menghadapi pelbagai masalah.

Jelaskan pernyataan di atas. [12m]

- (b) Pernyataan di bawah ini berkaitan dengan Cik NorAfizan.

Cik NorAfizan mempunyai wang simpanan berjumlah RM30,000. Beliau bendak melabur modal dalam pasaran saham. Kawannya mencadangkan supaya beliau mengagihkan sebahagian pelaburan modal dalam unit amanah.

Mengapa Cik NorAfizan tertarik dengan pelaburan dalam pasaran saham? [6m]

- (c) Koperasi Murni Bhd memperolehi lebihan sebanyak RM40,000 bagi tahun perakaunan2008. sebanyak RM5,000 disimpan sebagai rizab dan dividen tunai 10% dibayar atas modal yang berjumlah RM200,000. Baki untung diagihkan sebagai rebat atas langganan. Jumlah belian pada tahun itu ialah RM250,000.

Kira kadar rebat itu dalam bentuk peratus dan juga dalam bentuk sen seringgit. [7m]

Dapatkan skema Jawapan di Laman


W W W . b a n k s

4. (a) Public Leasing and Factoring Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pemfaktoran . Bagaimanakah syarikat tersebut dapat membantu peniaga? [4m]
- (b) Puan Azamima ingin membeli insurans kebakaran untuk premis perniagaan. Terangkan prosedur - prosedur yang perlu dipatuhi untuk membeli polisi tersebut. [8m]
- (c) Seseorang yang mengambil polisi insurans endowment boleh menikmati beberapa faedah yang tidak dinikmati oleh pemegang polisi lain. Nyatakan faedah-faedah tersebut. [5m]
- (d) " Gudang berbon penting kepada peniaga". **Telaskan**. [8m]
5. (a) Pengkontenaan adalah satu sistem penghantaran kargo yang popular pada masa kini. Nyatakan kelebihan pengangkutan tersebut. [5m]
- (b) Berikut adalah maklumat mengenai En Nasir, Ketua Pegawai Eksekutif di Mutiara Sabah, Kota Kinabalu.

Mutiara Sabah mempunyai beberapa cawangan di Sabah, Manila, Hong Kong dan Singapura. En Nasir ingin berbincang dengan semua pengurus cawangan tentang kempen promosi besar-besaran yang akan diadakan pada bulan Disember. Beliau ingin mengadakan mesyuarat dengan tanpa memerlukan semua pengurus itu datang ke Kota Kinabalu.

- Huraikan jenis komunikasi yang boleh digunakan oleh En Nasir. [6m]
- c) Huraikan jenis-jenis promosi yang berikut
 (i) Promosi Jualan
 (ii) Jualan Terus
 (iii) Publisiti [6m]

Soalan 5(d) berdasarkan Rajah II di bawah:



Saya ingin membeli - belah. Apa yang perlu saya lakukan?

- (d) Sebagai seorang pengguna yang bijak , apakah yang perlu dilakukan oleh Irfan? [8m]

Dapatkan skema Jawapan di Laman

W W W . b a n

Bahagian B
[25 markah]
Soalan ini **wajib** dijawab

Baca dengan teliti kes di bawah

Encik Harun membuka peniagaan runcit di Kampung Sepakat, Kuala Selangor. Perniagaan itu telah ditubuhkan setahun yang lalu dengan modal RM 20,000. Beliau mengumpulkan modal daripada simpanan dan pinjaman saudara maranya.

Encik Harun memperoleh bekalan stok barang dari pemberong am yang menghantar terus pesanan ke kedainya. Selain itu, beliau juga mendapatkan stok terus daripada pengusaha tempatan khususnya barang seperti ikan bilis, ikan kering, belacan dan makanan ringan. Beliau sering berulang alik menggunakan van yang dimilikinya untuk membeli stok barang tersebut terus daripada pengusaha yang banyak terdapat di kampung nelayan yang berhampiran kampungnya. Encik Harun membayar pembelian stok secara serta merta iaitu menggunakan cek dari Bank Muamalat. Kedai runcit beliau sering dikunjungi oleh pembekal yang menawarkan pembekalan stok secara kredit dan ada yang menawarkan konsainan. Namun Encik Harun tidak berminat membeli secara kredit. Bekalan barang di kedai runcit itu sering keputusan kerana beliau tidak mempunyai wang yang cukup di bank. Selain kedainya ain itu, beliau bimbang untuk menyimpan stok yang lebih banyak.

Kedai runcit Encik Harun hanya menjalankan urus niaga secara tunai dan tidak membenarkan kredit walaupun kepada pelanggan yang dikenalinya. Hal ini demikian kerana beliau bimbang tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar pembelian stok yang dilakukan. Selain itu, beliau tidak pernah menghantar barang yang dibeli pelanggan ke rumah mereka walaupun jumlah yang dibeli banyak. Sejak balik daripada berkursus tentang peniagaan runcit, beliau bercadang membeli sebuah komputer untuk membantu urusan perniagaannya.

Berdasarkan kes diatas, jawab soalan-soalan berikut.

- a) i) Nyatakan dua fungsi peruncit yang tidak dilaksanakan oleh Encik Harun. (2 M)
ii) Terangkan kesan kegalananya melaksanakan dua fungsi tersebut. (6 M)
- b) Apakah jenis akaun yang dibuka oleh Encik Harun di Bank Muamalat dan apakah kelebihan akaun tersebut? (5 M)
- c) Nyatakan dan jelaskan dua jenis insurans yang perlu diambil oleh Encik Harun untuk melindungi stok perniagaannya. (8 M)
- d) Apakah kebaikan penggunaan komputer kepada perniagaannya. (4 M)